

Media Title : Sinar Harian
Headline : Lesap lebih RM200,000 ditipu 'pegawai Bank Negara'
Date : 8 December 2023
Section : Nasional
Page : 14



Lesap lebih RM200,000 ditipu 'pegawai Bank Negara'

NILAI - Seorang wanita warga emas mengalami kerugian RM212,951.20 selepas ditipu pihak yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara berhubung penggunaan kad kredit.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Abdul Malik Hasim berkata, pihaknya menerima aduan daripada wanita tempatan berusia awal 60-an pada Khamis jam 5.13 petang.

Menurutnya, pada 4 Disember lepas, mangsa menerima satu pesanan ringkas daripada nombor telefon tidak dikenali yang menyatakan terdapat penggunaan kad kredit milik pengadu di aplikasi beli-belah dalam talian.

"Pengadu kemudian diarahkan menghubungi talian yang diberikan kononnya untuk

melaporkan perkara tersebut kepada Bank Negara Malaysia.

"Dalam perbualan dengan pihak yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara tersebut, pengadu telah diminta menyerahkan semua maklumat termasuk nombor kad ATM, CCV dan OTP dengan alasan untuk menyekat akaun tersebut daripada disalahgunakan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

"Pada hari yang sama, pengadu mendapati pengurangan wang dalam akaun-akaun bank miliknya berjumlah RM212,951.20.

"Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis (IPD) Nilai telah membuka kertas siasatan dan sedang berusaha mengesan suspek terlibat untuk siasatan lanjut," katanya.